

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
31 MEI 2012**

1. MAKLUMAN MENGENAI PEMINDAHAN KAUNTER BAYARAN MPSP DAN LAIN-LAIN PERKHIDMATAN MAJLIS DARI IBU PEJABAT MPSP LAMA DI BUTTERWORTH KE BANGUNAN KOMPLEKS PENJAJA MPSP BERSEBELAHAN BANGUNAN MAHKAMAH MAJISTRET (MUNISIPAL) SEBERANG PERAI DI KAMPUNG JAWA, BUTTERWORTH

Dimaklumkan bahawa kaunter bayaran dan perkhidmatan klinik yang disediakan di ibu pejabat MPSP lama di Butterworth akan berpindah ke bangunan kompleks penjaja MPSP yang terletak bersebelahan bangunan Mahkamah Majistret (Munisipal) Seberang Perai. Ia akan mula beroperasi di lokasi baru pada 2 Julai 2012.

Kain rentang pemberitahuan kepada pelanggan-pelanggan MPSP mengenai perpindahan ini akan dipasang di pintu pagar ibu pejabat MPSP lama di Butterworth pada 1 Jun 2012 dan lain-lain tempat yang strategik. Jarak lokasi perpindahan ini adalah kurang daripada satu (1) kilometer dan tidak akan memberi sebarang kesulitan kepada masyarakat setempat.

Perpindahan ini adalah kerana keseluruhan tanah dan bangunan ibu pejabat MPSP lama di Butterworth digunakan sebagai sebuah institusi dan secara tidak langsung ianya dapat membantu mengaktifkan semula bandar Butterworth.

Pejabat Cawangan yang baru ini akan menyediakan perkhidmatan kaunter bayaran yang mana menerima & memproses semua bentuk bayaran perkhidmatan MPSP seperti cukai taksiran, lesen perniagaan, patil anjing, sewaan gerai / kompleks dan sebagainya. Perkhidmatan klinik menyediakan perkhidmatan suntikan untuk pengendali makanan khasnya dan penduduk amnya. Kesemua perkhidmatan ini adalah sama seperti perkhidmatan yang ada sebelum ini.

2. BIL CUKAI PINTU UNTUK PENGGAL KEDUA 2012

Sukacita di sini, saya memaklumkan bahawa bil cukai pintu untuk Penggal Kedua 2012 akan dipos kepada semua pemilik premis di Seberang Perai mulai 8 Jun 2012 dan pembayaran perlu dibuat sebelum 31 Ogos 2012. Bagi pemilik premis yang masih belum menerima bil cukai pintu, semakan boleh dibuat di Kaunter Bayaran MPSP atau di laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my. Di samping itu, jika terdapat sebarang pertanyaan, boleh menghubungi di talian 04-5497470/471/696/697/468 atau e-mail ke waran@mpsp.gov.my.

3. PEGAWAI BARU BERJAWATAN TETAP KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Sebagai makluman, MPSP telah melantik dua (2) orang pegawai Pengurusan & Profesional ke jawatan tetap pada 3 Mei 2012 di dalam usaha memantapkan lagi pentadbiran Majlis. Berikut, saya perkenalkan pegawai tersebut, iaitu ;

- i. Pegawai Tadbir Gred N41 iaitu Cik Tan Joo Tee ditugaskan di Jabatan Kemasyarakatan.
- ii. Akauntan gred W41 iaitu Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff ditugaskan di Jabatan Perbendaharaan.

4. PROGRAM “MPSP GREEN RIDE”

Dimaklumkan bahawa MPSP akan mengadakan program berbasikal “*MPSP Green Ride*“ bagi daerah Seberang Perai Tengah pada 3 Jun 2012 (Ahad) ini, jam 7:00 pagi. Anggaran jarak kayuhan ini adalah sejauh 35km dan bermula dari Ibu Pejabat MPSP – Jalan Ciku – Jalan Che Bee Nor – Jalan Kulim – Jalan Sungai Lembu - Empangan Mengkuang (PESERTA BERKUMPUL) dan diteruskan ke Pekan Penanti – Jalan Permatang Pauh – Ibu Pejabat MPSP. Acara pelepasan peserta (*flag off*) akan disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas.

Tuan-tuan dan puan-puan yang berada di sini, dijemput hadir ke program tersebut.

5. PROGRAM LARIAN HIJAU MPSP 2012

Di sini, suka saya maklumkan bahawa Larian Hijau MPSP 2012, dengan kerjasama Penang Adventures‘ Club dan Penang Amateur Athletic Association akan diadakan pada 26 Ogos 2012 (Ahad) mulai jam 5:00 pagi bertempat di Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda, Bukit Mertajam.

Terdapat 2 kategori larian yang dianjurkan iaitu ;

- i. **COMPETITIVE RUN** (jarak 21km [*half marathon*] : 3 jam)

Laluan :

MPSP – Jalan Perda Utama – Jalan Permatang Pauh – Jalan Permatang Batu – Jalan Muthu Palaniappan – Jalan Ciku - Jalan Arumugam Pillai – Jalan Abdul Kadir – Jalan Tanah Liat - Jalan Kubang Semang – Jalan Permatang Pauh – Jalan Kampung Pertama – Jalan Perda Utama (21km).

Yuran pendaftaran dikenakan sebanyak RM25

ii. ***FUN RUN*** (jarak 3km : 1 jam)

Laluan :

**MPSP – Jalan Perda Barat – Jalan Perda Utama – Jalan Perda Barat
– MPSP**

Yuran pendaftaran dikenakan sebanyak RM10

Setiap peserta akan diberikan ;

- **Sijil Penyertaan**
- ***Dri-fit singlet* bagi penyertaan *COMPETITIVE RUN* dan *cotton singlet* bagi penyertaan *FUN RUN***
- ***Finishing Medal* kepada peserta yang berjaya ke garisan penamat dalam tempoh yang ditetapkan**
- **Goodies**

Penyertaan Larian Hijau MPSP 2012 adalah terbuka kepada semua dan pendaftaran boleh dibuat melalui borang penyertaan yang telah dimuatkan ke dalam laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my atau www.pac.com.my. Pendaftaran juga boleh dibuat secara online melalui www.charity.grocerasia.com atau melalui pautan di laman web MPSP.

Tarikh tutup penyertaan adalah pada 4 Ogos 2012.

SEKIAN, TERIMA KASIH.